



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - JUMAAT, 5 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	SAMBUTAN HARI OKU KEBANGSAAN 2025 MERIAH		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/12/04/sambutan-hari-oku-kebangsaan-2025-meriah	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sambutan-hari-oku-2025-merayakan-keunikan-kekuatan-dan-peluang-samarata-550382	ASTROAWANI.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=PLGAYFmuK10	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	SOKONG KOMUNITI OKU, TERUS JAYAKAN AGENDA KETERANGKUMAN		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/12/04/sokong-komuniti-oku-terus-jayakan-agenda-keterangkuman/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JKM LAKSANA PROSES PEMUTIHAN, PASTIKAN BANTUAN SAMPAI KEPADA YANG BENAR-BENAR LAYAK – EXCO		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/jkm-laksana-proses-pemutihan-pastikan-bantuan-sampai-kepada-yang-benar-benar-layak-exco/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BELANJAWAN MELAKA 2026 TIDAK LUPAKAN GOLONGAN OKU		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/belanjawan-melaka-2026-tidak-lupakan-golongan-oku/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.melakahariini.my/kebijakan-rakyat-melaka-terus-diperkasa-ab-rauf/	MELAKAHARIINI.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bajet-melaka-2026-karnival-oku-berskala-mega-bakal-dianjurkan-550455	ASTROAWANI.COM	
	https://www.melakahariini.my/wisma-jkm-pusat-sehenti-sokongan-kebajikan-negeri/	MELAKAHARIINI.MY	
	https://malaysiaaktif.my/2025/12/kerajaan-negeri-melaka-terus-perkukuh-dasar-mesra-usahawan/	MALAYSIAAKTIF.MY	
	https://www.melakahariini.my/melaka-mahu-anjur-karnival-oku-besar-besaran-ab-rauf/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PTDSN 2026–2030, FOKUS 102 INISIATIF SOSIAL STRATEGIK NEGARA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ptdsn-2026%E2%80%932030,-fokus-102-inisiatif-sosial-strategik-negara	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php/general/news.php?id=2498860	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/malaysia-launches-new-social-policy-plan-to-boost-wellbeing-and-resilience/	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelan-tindakan-dasar-sosial-negara-20262030-perkukuh-kesejahteraan-sosial-550426	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/pelan-tindakan-sosial-negara-2026-2030-perkukuh-kesejahteraan-rakyat/	THESUN.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/04/dpm-zahid-2026-2030-social-policy-action-plan-to-rethink-how-malaysia-sees-growth-cut-dependence-on-govt-aid/200776	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PEMBULI DAN MANGSA DISARAN JALANI SARINGAN PSIKOSOSIAL		NEUTRAL
	https://www.astroawani.com/gaya-hidup/pembuli-dan-mangsa-disaran-jalani-saringan-psikososial-550282	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	MANGSA BANJIR DI PERLIS, PERAK MENURUN, PAHANG DAN SELANGOR MENINGKAT PETANG INI		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2498886	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/04/perlis-pahang-nearly-fully-recovered-from-floods-evacuees-drop-further-in-perak-selangor/200698	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	KES LEMAS DI TAMAN PRIMA SAUJANA: ADIK MENINGGAL DUNIA DI HOSPITAL, ABANG MASIH HILANG		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296112/kes-lemas-di-taman-prima-saujana-adik-meninggal-dunia-di-hospital-abang	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1480798/kes-dua-beradik-jatuh-longkang-adik-disahkan-lemas-abang-masih-hilang	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759341/berita/semasa/dua-beradik-hanyut-adik-meninggal-dunia-di-hospital-kajang-abang-masih-hilang---polis	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-remaja-dilapor-hanyut-di-kajang/	BULETINTV3.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/762663	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296072/kanak-kanak-remaja-dilapor-hanyut-dibawa-arus	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759333/berita/semasa/dua-kanak-kanak-lelaki-hanyut-ketika-ambil-bola-dalam-longkang	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/04/2-budak-dikhuatiri-hanyut-ketika-ambil-bola-dalam-longkang	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/04/kanak-kanak-remaja-hanyut-dibawa-arus-ketika-ambil-bola/	KOSMO.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/dua-kanak-kanak-lelaki-hanyut-di-longkang-besar/	THESUN.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2025/12/dua-kanak-kanak-dikhuatiri-hanyut-dibawa-arus-di-prima-saujana/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-hanyut-meninggal-dunia-di-hospital-abang-masih-hilang/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2498995	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/04/2-kanak-kanak-dipercayai-lemas-dihanyutkan-arus-deras-di-prima-saujana/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kanakkanak-lelaki-dikhuatiri-lemas-selepas-terjatuh-dalam-longkang-besar-550470	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/dua-kanak-kanak-hilang-dipercayai-dihanyutkan-arus-deras/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.youtube.com/watch?v=XxeDA_b7gN4	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	2 GURU DI KEDAH TULAR 'GROOMING', CAKAP LUCAH DENGAN PELAJAR DIKELUARKAN DARI INSTITUSI KPM		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1480499/2-guru-di-kedah-tular-grooming-cakap-lucah-dengan-pelajar-dikeluarkan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759244/berita/semasa/jpn-kedah-keluarkan-dua-guru-terlibat-kes-salah-laku-seksual	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/dua-guru-terlibat-salah-laku-seksual-di-kedah-diambil-tindakan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/04/dua-guru-didakwa-terlibat-salah-laku-seksual-disiasat/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/04/jpn-kedah-ambil-tindakan-terhadap-2-guru-didakwa-terbabit-salah-laku-seksual	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1480448/2-guru-didakwa-terbabit-salah-laku-seksual-sudah-diambil-tindakan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2498802	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295779/2-guru-disyaki-terbabit-salah-laku-seksual-sudah-diambil-tindakan-jpn-kedah	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/04/dua-guru-didakwa-terlibat-salah-laku-seksual-digantung-tugas-jpn-kedah/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://says.com/my/news/jpn-kedah-removes-2-teachers-after-allegations-of-sexual-misconduct-go-viral	SAYS.COM	
	https://www.scoop.my/berita/276201/jpn-kedah-ambil-tindakan-ke-atas-dua-guru-didakwa-terlibat-salah-laku-seksual/	SCOOP.MY	
	https://siakapkelipeli.my/2025/12/04/jpn-kedah-ambil-tindakan-terhadap-guru-didakwa-terlibat-salah-laku-seksual	SIKAPKELI.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/12/04/jpn-kedah-ambil-tindakan-terhadap-2-guru-didakwa-terlibat-salah-laku-seksual	MSTAR.COM.MY	
	https://borakdaily.com/didakwa-terlibat-salah-laku-seksual/	BORAKDAILY.COM	
	https://lobakmerah.com/2-guru-tular-terlibat-salah-laku-sksual-digantung-tugas-jpn-kedah/	LOBAKMERAH.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=4-fFpQOFKHo	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PENGANGGUR MASIH DIBICARAKAN KERANA KES ROGOL, DIDAKWA PULA CABUL GADIS 16 TAHUN DI PUSAT PEMINDAHAN BANJIR		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1480456/peng-anggur-masih-dibicarakan-kerana-kes-rogol-didakwa-pula-cabul-gadis-16	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295800/peng-anggur-tak-mengaku-amang-seksual-di-pps	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759260/berita/semasa/lelaki-didakwa-lakukan-amang-seksual-mangsa-banjir-di-pps-ada-rekod-kes-rogol	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/04/penganggur-mengaku-tak-salah-amang-seksual-remaja-di-pps	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/12/penganggur-mengaku-tidak-bersalah-cabul-remaja-perempuan-di-pps/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1329628/man-rape-trial-charged-sexual-assault-flood-relief-centre-watch	NST.COM.MY	
	https://ohmedia.my/ohtidak/penganggur-didakwa-amang-seksual-remaja-di-pps-ketika-banjir-rupa-rupanya-ada-rekod-rogol/	OHMEDIA.MY	
	https://www.youtube.com/shorts/Alt_oofQUSc	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	GURU MENGAJI DIDAKWA BUAT PANGGILAN VIDEO LUCAH DENGAN ANAK MURID		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/04/guru-mengaji-didakwa-buat-panggilan-video-lucah-dengan-anak-murid/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759271/berita/semasa/guru-agama-didakwa-buat-panggilan-video-lucah-dengan-murid-tahun-lima	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/guru-al-quran-tidak-mengaku-buat-panggilan-video-lucah-dengan-anak-murid/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295844/guru-mengaji-didakwa-laku-amang-seksual	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-mengaji-didakwa-laku-amang-seksual/	BULETINTV3.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116492/a-conviction-under-this-section-carries-a-maximum-prison-term-of-three-years-december-4-2025	THEVIBES.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	PENGANGGUR DIDENDA RM4,000, MENGAKU BERSALAH AIB KEHORMATAN WANITA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/penganggur-didenda-rm4000-mengaku-bersalah-aib-kehormatan-wanita/	BULETINTV3.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/rakam-wanita-dalam-tandas,-lelaki-didenda-rm4,000	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2498841	BERNAMA.COM	
	https://gempak.com/berita/rakam-wanita-dalam-tandas-penganggur-didenda-rm4000	GEMPAK.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116493/young-peeping-tom-fined-rm4000-for-secretly-filming-woman-in-supermarket-bathroom	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	PELAJAR IPT DITAHAN BANTU SIASATAN KES AMANG SEKSUAL CALON SPM		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/12/pelajar-ipt-ditahan-bantu-siasatan-kes-amang-seksual-calon-spm/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1480469/penuntut-ipt-teman-wanita-calon-spm-dipercayai-mahu-berasmara-dalam	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759249/berita/semasa/penuntut-ipt-ditahan-kes-amang-seksual-calon-spm	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sambutan Hari OKU Kebangsaan 2025 meriah

🕒 Disember 4, 2025, Khamis - 4:46pm



PUTRAJAYA: Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan 2025 menarik lebih daripada 1,000 peserta dari seluruh negara di Kompleks Perbadanan Putrajaya semalam sekali gus menyerlahkan komitmen berterusan Malaysia untuk membina sebuah masyarakat yang lebih inklusif.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato Sri Nancy Shukri, dengan tema tahun ini, 'Masyarakat Inklusif OKU, Kunci Kemajuan Sosial'.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri KPWKM, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad; Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr. Maziah Che Yusoff; Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Datuk Che Murad Sayang Ramjan; Senator Tuan Isaih D. Jacob; serta pegawai kanan dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi.

Tema tersebut menekankan bahawa kemajuan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui pertumbuhan ekonomi atau infrastruktur, tetapi melalui keupayaannya menghormati, menerima dan menyediakan peluang yang adil kepada semua rakyat, termasuk golongan OKU.

Dalam ucapan perasmianya, Nancy menegaskan bahawa membentuk masyarakat inklusif adalah tanggungjawab bersama.

Beliau berkata, setiap rakyat Malaysia memainkan peranan penting untuk memastikan tiada individu OKU yang tercicir dan potensi mereka dapat direalisasikan sepenuhnya.

Beliau turut menegaskan komitmen kerajaan dalam menyediakan sokongan holistik kepada komuniti OKU, termasuk akses kepada pendidikan inklusif, pembangunan kemahiran dan peluang pekerjaan, kemudahan awam serta infrastruktur mesra OKU, program komuniti dan sosial, serta perlindungan undang-undang.

Sambutan tersebut turut diserikan dengan penyampaian beberapa anugerah berprestij, antaranya Anugerah Khas OKU (Akademik), Anugerah Khas OKU (Sukan), Anugerah Khas OKU (Usahawan), Anugerah Ibu Bapa Mithali OKU, Anugerah Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Cemerlang, Anugerah Majikan Prihatin, Anugerah Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK) OKU Cemerlang dan Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Prihatin.

Sambutan tahun ini turut menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran maklumat dan perkhidmatan, pameran inovasi dan teknologi bantu, segmen kemahiran dan latihan, program TVET berfokus OKU, sesi seni kreatif, terapi relaksasi, pemeriksaan kesihatan, pameran dan jualan produk PDK, sesi perkongsian OKU serta podcast secara langsung.

Aktiviti-aktiviti ini menyediakan pengalaman bermakna yang bertujuan menggalakkan interaksi positif, pembangunan sahsiah dan hubungan komuniti.

Sambutan Hari OKU Kebangsaan 2025 menandakan peralihan penting dalam pendekatan Malaysia daripada perspektif berbentuk kebajikan kepada kerangka berasaskan hak asasi dan pemerkaasan.

Golongan OKU kini semakin diiktiraf sebagai warganegara yang mampu menyumbang, berkarya dan memimpin apabila diberikan sokongan dan peluang yang sewajarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sokong Komuniti OKU, Terus Jayakan Agenda Keterangkuman

4 December 2025

Berita Lain, Berita Utama

KUALA LUMPUR, 4 Dis – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berpandangan Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (HOKU) yang disambut sebagai satu platform penting untuk menyokong komuniti orang kurang upaya (OKU).

Beliau yang juga Ketua Wanita UMNO Malaysia berkata ia penting dalam membina negara yang lebih inklusif membabitkan hak dan kebajikan golongan ini.

"Hari ini mengingatkan saya bahawa kita bukan sekadar menganjurkan acara, tetapi sedang memperkukuhkan ekosistem yang menyokong komuniti OKU untuk terus maju ke hadapan.

"Ayuh, terus kita jayakan agenda keterangkuman demi masa depan negara yang lebih sejahtera, adil dan penuh empati," katanya.

Noraini berkata demikian menerusi satu hantaran di

Facebook berkongsi kehadiranannya dalam Fun Walk & Fun Wheel (Wheelchair) sempena Sambutan HOKU 2025 yang diadakan di Kompleks Perbadanan Putrajaya.



Program tersebut melibatkan penjawat awam OKU, pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi, pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan juga komuniti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti.

Beliau dalam pada itu menyifatkan acara larian santai tersebut bukan sahaja sebagai aktiviti riadah, tetapi sebagai simbol perpaduan dan solidariti seluruh lapisan masyarakat terhadap komuniti OKU.

Katanya lagi, penyertaan yang meriah mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan rakyat untuk bersama-sama membina persekitaran yang lebih inklusif, mesra OKU dan menyokong kesejahteraan bersama.

"Seawal pagi, suasana penuh ceria dengan warna-warni pakaian peserta, gelagat anak-anak istimewa, dan senyuman para keluarga serta rakan-rakan OKU yang hadir. Setelah sesi senamrobik, saya bersama Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkesempatan menyempurnakan *flag-off* sebagai simbol permulaan Fun Walk sejauh tiga kilometer.

"Sambutan sepanjang hari turut dipenuhi pelbagai aktiviti seperti Pameran Informasi dan Perkhidmatan, Pameran Inovasi dan Teknologi, jualan produk Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), segmen latihan kemahiran serta peluang pekerjaan, Forum Anak Autisme, pertandingan penulisan dan deklamasi sajak, perkongsian OKU, pemeriksaan kesihatan dan banyak lagi.

"Setiap pengisian membawa mesej jelas bahawa masyarakat inklusif hanya dapat dibina melalui usaha dan komitmen bersama," ujar beliau. – *UMNO Online*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KALSOM pada sidang media selepas Karnival Kebajikan: Melaka Prihatin, Rakyat Disantuni sempena Sambutan Hari Warga Emas, Hari OKU & Hari Kanak-Kanak serta Perasmian JKM Negeri Melaka Foto Afiq Mustaffa

JKM LAKSANA PROSES PEMUTIHAN, PASTIKAN BANTUAN SAMPAI KEPADA YANG BENAR-BENAR LAYAK – EXCO

LIANA SAHAUDIN
KHAMIS, 4 DISEMBER 2025 @ 18:33

AYER KEROH 4 Disember – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Melaka sedang menjalankan proses pemutihan dan kajian semula senarai penerima bantuan JKM Negeri Melaka yang melibatkan warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin berkata, proses pemutihan penting kerana mengikut rekod ada warga emas yang layak tetapi tidak tersenarai sebagai penerima bantuan daripada JKM.

“Kajian semula ini membolehkan kita mengenal pasti penerima sebenar JKM, ada yang dikeluarkan daripada senarai tetapi sedikit sahaja, jumlah mereka yang memerlukan bantuan masih ramai.

“Walau bagaimanapun, alhamdulillah tahun ini bantuan JKM dinaikkan daripada RM250 kepada RM600 bagi penerima yang telah mencapai status warga emas di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Karnival Kebajikan: Melaka Prihatin, Rakyat Disantuni sempena Sambutan Hari Warga Emas, Hari OKU & Hari Kanak-Kanak serta Perasmian JKM Negeri Melaka yang dirasmikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, di sini, hari ini.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Azhar Arshad; Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman, barisan Exco serta Timbalan Exco Kerajaan Negeri.

Kalsom berharap langkah pemutihan dan kajian semula akan menjadikan agihan bantuan lebih menyeluruh serta sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

“Ini sekali gus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem kebajikan negeri serta menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri untuk menjaga kesejahteraan semua lapisan masyarakat,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Belanjawan Melaka 2026 tidak lupakan golongan OKU



AB. Rauf Yusoh merasmikan Karnival Kebajikan: Melaka Prihatin, Rakyat Disantuni di Wisma JKM Melaka di Ayer Keroh, Melaka. - UTUSAN/AMRAN ALI

Oleh AMRAN ALI 4 Disember 2025, 4:04 pm

MELAKA: Karnival orang kurang upaya (OKU) berskala besar melibatkan karnival sukan, bakat dan kerjaya merupakan antara inisiatif yang terkandung dalam Belanjawan Melaka 2026 yang akan dibentangkan esok.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh berkata, ia bertujuan mencungkil bakat OKU, selain membuka lebih banyak peluang untuk mereka diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Golongan OKU mempunyai keupayaan luar biasa dan ada antara mereka mampu berkarya menggunakan mulut dan kaki. Kerajaan negeri akan menyediakan satu platform besar supaya bakat mereka dapat ditonjolkan secara lebih tersusun.

"Maklumat lengkap mengenai karnival ini akan dibentangkan pada pengumuman belanjawan negeri esok dan dalam masa yang sama, kita juga bersetuju mengumumkan sesuatu sebagai bentuk penghargaan kepada warga OKU," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Karnival Kebajikan: Melaka Prihatin, Rakyat Disantuni di Wisma Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka di Ayer Keroh di sini, hari ini.

Majlis diadakan sempena Sambutan Hari Warga Emas, Hari OKU dan Hari Kanak-kanak, selain perasmian Wisma JKM Melaka.

JKM turut menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) bagi kategori 'The Largest Child Protection Advocacy Programme' selepas melaksanakan program advokasi di 337 sekolah melibatkan 128,148 kanak-kanak di seluruh negara pada 2024, termasuk 30 sekolah di Melaka membabitkan lebih 13,000 kanak-kanak. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PTDSN 2026–2030, fokus 102 inisiatif sosial strategik negara

Nasional - Dicipta: 04 Disember 2025 05:53 PM



Foto BERNAMA

Putrajaya, 4 Disember - Kerangka Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara (PTDSN) 2026–2030 yang dilancarkan hari ini akan menjadi hala tuju baharu kerajaan dalam memperkukuh kesejahteraan sosial serta ketahanan negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memaklumkan, pelan itu dibangunkan melalui kerjasama menyeluruh antara kementerian Persekutuan, kerajaan negeri, pihak swasta dan komuniti.

Ia merangkumi empat teras, 17 bidang keutamaan, 17 strategi, dan 102 inisiatif, melibatkan penyertaan 32 kementerian dan agensi selaras dengan pendekatan keseluruhan kerajaan Whole of Government (WoG) dan pendekatan keseluruhan negara, Whole of Nation (WoN).

Beliau turut menjelaskan, pembangunan negara tidak boleh diukur melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata, sebaliknya perlu mengambil kira petunjuk sosial, agihan ekonomi yang adil dan akses peluang untuk semua rakyat.

"Saya ingin menegaskan bahawa ukuran pembangunan negara tidak wajar hanya bergantung pada pertumbuhan KDNK," katanya dalam kenyataan media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara ke-23 di sini.

Dalam pada itu Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid memaklumkan kerajaan bersetuju dengan syor memperkenalkan akta baharu menggantikan Akta Orang-Orang Papa 1977.

Ia bertujuan memperkukuh tadbir urus isu pengemis dan gelandangan melalui takrifan lebih jelas, kuasa agensi lebih tersusun dan keseimbangan antara pemulihan serta penguatkuasaan.

"Sejumlah 5,163 gelandangan telah dibantu antara tahun 2021 hingga Mei 2025, namun kadar berulang kekal tinggi. Oleh demikian kerajaan menegaskan terdapat keperluan pendekatan bersepadu merangkumi pendidikan digital, pemantauan rentas agensi dan perlindungan pengguna yang lebih kukuh," tambahnya.

Kenyataan itu dibuat berikutan kegiatan penipuan dalam talian menunjukkan peningkatan saban tahun dan mencatatkan kerugian sehingga RM1.9 bilion, melibatkan 47,854 kes dari Januari hingga September tahun ini.

Oleh demikian beliau berharap Majlis Sosial Negara terus menjadi platform penyelarasan dasar sosial negara secara menyeluruh.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pembuli dan mangsa disarankan jalani saringan psikososial



Bernama

04/12/2025 | 05:45 MYT



Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat menyarankan pembuli dan mangsa dirujuk ke NCEMH bagi menjalani saringan psikososial wajib serta intervensi susulan. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat menyarankan pembuli dan mangsa dirujuk ke Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) bagi menjalani saringan psikososial wajib serta intervensi susulan.

Kenyataan jawatankuasa berkenaan pada Rabu memaklumkan, kes emosi sosial tidak diurus sebagai kes disiplin dan mangsa buli boleh mendapatkan perkhidmatan profesional bagi pemulihan supaya mereka tidak mengalami trauma berterusan serta berisiko menjadi pembuli pada masa akan datang.

Menurut jawatankuasa itu, berdasarkan satu kajian yang membabitkan 33,523 pelajar sekolah menengah, sebanyak 79.1 peratus responden didapati terlibat dalam buli dengan pelaku (14.4 peratus), mangsa (16.3 peratus) atau kedua-duanya (48.4 peratus).

"Ini bermaksud mangsa berpotensi menjadi pelaku jika tidak menerima intervensi yang sewajarnya," menurut kenyataan itu.

Jawatankuasa itu juga memaklumkan pengurusan kesihatan mental kanak-kanak memerlukan perkhidmatan serta kepakaran profesional dan pengurusan yang sistematik, dan tidak boleh bergantung kepada guru kerana ia bukan bidang mereka selain guru mempunyai tugas hakiki.

Ia turut mengesyorkan supaya NCEMH di bawah Kementerian Kesihatan menjadi agensi kebangsaan yang bertanggungjawab dalam menjaga kesihatan mental kanak-kanak di Malaysia, dengan Kementerian Pendidikan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai rakan strategik.

Kenyataan itu memaklumkan, antara fungsi dan peranan yang boleh diperkasa oleh NCEMH ialah melatih kaunselor dan guru yang berkaitan di sekolah untuk mengenal pasti kes seperti ketagihan digital serta seks selain cabaran kesihatan mental yang perlu menjalani intervensi awal.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa Banjir Di Perlis, Perak Menurun, Pahang Dan Selangor Meningkatkan Petang Ini

🕒 04/12/2025 05:39 PM



KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Banjir di **Perlis** semakin pulih dengan jumlah mangsa masih berlindung di dua pusat pemindahan sementara (PPS) di Padang Besar dan Arau setakat 4 petang ini menurun kepada 186 orang berbanding 207 orang pagi tadi.

Di **PERAK** pula, jumlah mangsa banjir juga mencatatkan penurunan kepada 2,206 orang daripada 671 keluarga yang masih berlindung di 16 PPS di empat daerah petang ini, berbanding 2,690 orang daripada 783 keluarga pagi tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Perak memaklumkan daerah Hilir Perak masih merekodkan jumlah mangsa tertinggi iaitu seramai 1,201 orang, manakala Bagan Datuk (600 orang), Manjung (392 orang) serta Larut, Matang dan Selama pula seramai 13 orang.

Di **PAHANG**, jumlah mangsa banjir meningkat kepada 62 orang daripada 15 keluarga berbanding 28 orang daripada enam keluarga, pagi tadi.

Menurut InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), daerah Raub kembali dilanda banjir dan seramai 34 mangsa telah dipindahkan ke dua PPS manakala seramai 21 mangsa di Maran dan tujuh di Kuantan, masing-masing masih berlindung di satu PPS.

Sementara itu, di **SELANGOR**, jumlah mangsa yang ditempatkan di PPS kembali meningkat kepada 764 mangsa daripada 246 keluarga petang ini susulan hujan lebat awal pagi tadi di beberapa kawasan berbanding 699 orang daripada 215 keluarga, pagi tadi.

Menurut laman sesawang Infobencana JKM, jumlah PPS yang beroperasi kembali menjadi sembilan petang ini, berbanding tujuh pagi tadi dengan Hulu Langat menjadi daerah baharu dilanda banjir selain Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes lemas di Taman Prima Saujana: Adik meninggal dunia di hospital, abang masih hilang

Noor Hidayah Tanzil
am@hmetro.com.my



OPERASI mencari remaja lelaki yang dihanyutkan arus masih diteruskan. FOTO Noor Hidayah Tanzil

Kajang: Kanak-kanak lelaki yang dihanyutkan arus ketika cuba mengambil bola di dalam longkang di Lorong 1/3A Taman Prima Saujana, di sini, hari ini ditemukan kira-kira dua kilometer (km) dari lokasinya terjatuh, malam ini.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof berkata, kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun itu ditemui di Sungai Merbau, Kampung Sungai Kantan, di sini, jam 7.47 malam.

Bagaimanapun katanya, kanak-kanak berkenaan disahkan meninggal dunia di Hospital Kajang, di sini, pada 10 malam ketika sedang mendapatkan rawatan.

"Seorang lagi mangsa iaitu remaja lelaki berusia 14 tahun yang juga abang kanak-kanak berkenaan dan turut dihanyutkan arus ketika kejadian masih belum ditemui.

"Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) remaja itu sedang dijalankan membabitkan tiga pasukan di kawasan sungai berkenaan sehingga ke pertemuan muara Sungai Langat," katanya pada sidang media di lokasi kejadian di sini, hari ini.

Katanya, setakat ini SAR masih diteruskan namun jika keadaan cuaca kurang baik ia mungkin akan dihentikan sementara dan akan disambung semula pagi esok.

Menurutnya, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu pada 6.29 dan SAR turut membabitkan polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Ahmad Mukhlis Mokhtar berkata, SAR remaja lelaki itu dilakukan dalam radius kira-kira lima kilometer (km) daripada lokasi mangsa dikatakan terjatuh sehingga ke muara Sungai Langat.

Katanya, operasi turut membabitkan pasukan Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) dan Unit K9 JBPM.

Difahamkan, sebelum kejadian itu, kanak-kanak lelaki itu dan abangnya sedang bermain bola bersama beberapa rakan lain di padang berhampiran perumahan berkenaan.

Terdahulu media melaporkan, seorang kanak-kanak dan remaja lelaki dilaporkan hanyut dibawa arus ketika cuba mengambil bola di dalam longkang di Lorong 1/3A Taman Prima Saujana, di sini, hari ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2 guru di Kedah tular 'grooming', cakap lucah dengan pelajar dikeluarkan dari institusi KPM

Oleh Noorazura Abdul Rahman - Disember 4, 2025 @ 12:19pm



Foto hiasan.

ALOR SETAR: Dua guru di daerah ini yang didakwa terbabit salah laku seksual terhadap pelajar sudah dikeluarkan daripada institusi pendidikan Kementerian Pendidikan (KPM).

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) melalui kenyataan hari ini berkata, tindakan itu diambil sementara menunggu siasatan selesai.

Katanya, JPN mengambil serius dakwaan salah laku seksual membabitkan dua guru di negeri ini seperti yang tular di media sosial.

"Kedua-dua kes berasingan ini sedang berada dalam siasatan JPN Kedah.

"Tindakan diambil JPN untuk mengeluarkan guru terbabit daripada institusi pendidikan KPM sehingga siasatan selesai," katanya.

Terdahulu, tular tangkap layar perbualan antara dua individu didakwa membabitkan seorang guru lelaki dan pelajar perempuan berusia 15 tahun dari sebuah sekolah di sini.

Guru terbabit didakwa cuba melakukan 'grooming' terhadap pelajar itu menerusi perbualan lucah.

Satu lagi kes didakwa membabitkan seorang guru yang bercakap lucah di dalam kelas, juga dari sebuah sekolah di sini.

Dalam pada itu, JPN Kedah berkata pihaknya tidak berkompromi dengan sebarang perlakuan yang membabitkan salah laku seksual dan akan terus memastikan keselamatan serta kesejahteraan murid, guru dan seluruh warga institusi pendidikan diberi perhatian.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penganggur masih dibicarakan kerana kes rogol, didakwa pula cabul gadis 16 tahun di pusat pemindahan banjir

Nor Fazlina Abdul Rahim - Disember 4, 2025 @ 10:55am



Mohamad Ilfam Mohammad Noor dikawal polis ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu, hari ini. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

KOTA BHARU: Seorang penganggur didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja perempuan berusia 16 tahun di pusat pemindahan banjir (PPS) di sebuah sekolah di Jelawat, Bachok, minggu lalu.

Mohamad Ilfam Mohammad Noor, 22, didakwa di hadapan Hakim Tengku Shahrizan Tuan Lah mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut bawah Seksyen 14 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebat jika sabit kesalahan.

Dia yang tidak diwakili peguam dituduh melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja perempuan berusia 16 tahun berkenaan di PPS di Jelawat, Bachok, pada jam 11 pagi 26 November lalu.

Mohamad Ilfam mengaku tidak bersalah sebelum Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mazlan memaklumkan mahkamah pihak pendakwaan tidak menawarkan jaminan dalam kes berkenaan, selain tertuduh juga mempunyai rekod kes rogol yang kini dalam perbicaraan.

Mahkamah menetapkan 8 Disember ini untuk sebutan semula kes.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kompleks Mahkamah Kota Bharu di Tunjong, Kota Bharu. - GAMBAR HIASAN

Guru mengaji didakwa buat panggilan video lucu dengan anak murid

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA 4 Disember 2025, 12:42 pm

KOTA BHARU – Seorang guru al-Quran didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual bukan fizikal dengan membuat panggilan video kepada kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun pada Mac hingga Jun lalu.

Tertuduh, Huzairah Ismail, 27, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Tengku Shahrizan Tuan Lah.

Pemuda itu didakwa berkomunikasi secara seksual menggunakan telefon bimbit dengan mangsa berusia 11 tahun enam bulan ketika kejadian di sebuah rumah di Kubang Kerian di sini pada 13 Mac hingga 11 Mei lalu.

Oleh itu dia didakwa mengikut Seksyen 11(1)(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(1) akta sama dan dibacakan bersama Seksyen 27 akta tersebut.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, Huzairah didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal terhadap mangsa sama yang ketika itu berusia 11 tahun sembilan bulan di lokasi sama pada pukul 4.18 pagi, 21 Jun dan 6.01 petang, 26 Jun lalu.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15(a)(ii) akta sama. Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mazlan tidak mencadangkan sebarang jaminan kerana tertuduh merupakan guru al-Quran, manakala mangsa adalah anak muridnya.

Mahkamah tidak membenarkan tertuduh yang diwakili peguam Nik Mohd. Naqib Mohamad Noor diikat jaminan menetapkan 8 Disember ini untuk sebutan semula kes. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penganggur didenda RM4,000, mengaku bersalah aib kehormatan wanita

04 Disember 2025, 12:39pm



Foto hiasan

Oleh: Nazdy Harun

KUALA TERENGGANU: Seorang penganggur dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan merakam seorang wanita menggunakan telefon bimbit di tandas sebuah pusat beli-belah di sini, bulan lalu.

Lelaki berkenaan, Muhammad Syahmi Mat Ros, 24, didakwa di hadapan Majistret Iffah Nabihah Mohd Ishak mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau keduanya sekali.

Dia dituduh melakukan perbuatan mengaibkan kehormatan seorang wanita dengan merakam mangsa menggunakan telefon bimbit ketika wanita berkenaan berada dalam tandas wanita di tingkat satu pusat beli-belah Mayang Mall, di sini, jam 6.12 petang 20 November lalu.

Muhammad Syahmi yang diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Nurul Husna Zukepli @ Zulkifli kemudian mengaku bersalah sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM4,000 atau enam bulan penjara sekiranya gagal bayar denda.

Media sebelum ini melaporkan kejadian pada 20 November lalu itu ketika seorang wanita berusia 29 tahun yang bekerja sebagai jurujual, menyedari sebuah telefon bimbit sedang merakam di ruang celahan pintu tandas tempatnya berada.

Dia kemudian dilaporkan keluar dari tandas dan mendapati seorang lelaki tidak dikenali memegang telefon berkenaan sebelum suspek melarikan diri.

Ketika kejadian, suspek memakai baju T putih tertera gambar Ultraman dengan tulisan 'Aku Kuat Aku Ultraman', berseluar jeans gelap serta membawa beg silang.

Mangsa sempat merakam visual suspek dari arah belakang ketika lelaki itu melarikan diri dari tempat kejadian.

Pada 28 November lalu, polis berjaya menahan seorang lelaki 24 tahun selepas membuat serbuan ke sebuah kedai gunting rambut di Jalan Merbau, Kampung Bukit Kecil di Setiu serta merampas sebuah telefon bimbit untuk siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pelajar IPT ditahan bantu siasatan kes amang seksual calon SPM



Oleh . YATIMIN ABDULLAH 4 Disember 2025, 10:41 am

JELI: Seorang pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) ditahan hari ini bagi membantu kes amang seksual ke atas seorang remaja perempuan yang merupakan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 1 Disember lalu.

Terdahulu, pasangan kekasih itu ditahan polis kira-kira pukul 3.30 petang pada hari tersebut selepas polis mengejar kereta jenis Perodua Myvi yang mereka naiki.

Ketua Polis Daerah Jeli, Superintendan Kamarulzaman Harun berkata, penahanan itu dibuat selepas mangsa membuat laporan polis berkaitan perlakuan tidak bermoral suspek.

Katanya, siasatan awal mendapati, suspek yang berusia dalam lingkungan 20-an telah mengambil mangsa di hadapan sekolah untuk pergi ke Lata Renyut di sini.

"Bagaimanapun lelaki itu telah bertindak memberhentikan kereta dipandunya di tepi jalan Kampung Sungai Rual di sini untuk melakukan hubungan seks dengan remaja itu di dalam kereta.

"Remaja perempuan itu dipercayai dengan rela hati untuk melakukan hubungan itu. Namun pasangan itu terkejut dengan kehadiran pihak polis yang sedang melakukan rondaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kamarulzaman memberitahu, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Katanya, permohonan reman terhadap suspek akan dibuat di bawah Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah.

"Polis mengingatkan orang awam agar mengelakkan sebarang perlakuan seksual di dalam kenderaan sama ada di kawasan awam atau tempat sunyi kerana ia boleh menimbulkan risiko jenayah dan implikasi undang-undang," ujarnya. -UTUSAN